Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Zuarowaty @ Zohrah binti Haji Md. Salleh yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Buluh Kasap. No. Lot—2471. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 210. Luas—0.4274 hektar.

Bertarikh 27 September 2015
[PTDS 4/HM/H/23/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5417.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Ngadinah binti Tomin yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jementah. No. Lot—1541. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1835. Luas—0.4022 hektar.

Bertarikh 27 September 2015
[PTDS 4/HM/H/24/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5418.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Nor'aini binti Melan yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jementah. No. P.T.D.—257. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3241. Luas—0.822 hektar.

Bertarikh 27 September 2015
[PTDS 4/HM/H/37/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5419.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Wu Shu Gor yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Segamat. No. Lot—1212. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1884. Luas—0.1012 hektar.

Bertarikh 27 September 2015
[PTDS 4/HM/H/40/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5420.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Wu Shu Gor yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Gemereh. No. Lot—779. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 972. Luas—0.8524 hektar.

Bertarikh 27 September 2015
[PTDS 4/HM/H/41/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5421.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Sella Perimall a/l Mutia yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jabi. No. Plot—2045. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 143. Luas—3.1995 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTDS 4/HM/H/42/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5422.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Sarawathi a/p Mutusamy yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jabi. No. Lot—2036. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 969. Luas—3.399 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTDS 4/HM/H/44/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5423.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Sella Perimall a/l Mutia yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Jabi. No. Lot—2031. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 964. Luas—3.272 hektar.

Bertarikh 7 Oktober 2015
[PTDS 4/HM/H/43/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5424.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Parit Jawa. No. Lot—4035. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 611. Luas—Tiada.

Bertarikh 28 September 2015
[PTDM/4/SHM/89/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 5425.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Parit Bakar. No. Lot—847. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 227. Luas—Tiada.

Bertarikh 28 September 2015
[PTDM/4/SHM/90/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 5426.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Ayer Hitam. No. M.L.O.—4414. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1248. Luas—Tiada.

Bertarikh 4 Oktober 2015
[PTDM/4/SHM/91/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 5427.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Jorak. No. Lot—9216. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 147. Luas—Tiada.

Bertarikh 4 Oktober 2015
[PTDM/4/SHM/92/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 5428.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Jorak. No. Lot—18548. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3486. Luas—Tiada.

Bertarikh 4 Oktober 2015
[PTDM/4/SHM/93/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 5429.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Bandar. No. Lot—6104. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 432. Luas—Tiada.

Bertarikh 6 Oktober 2015
[PTDM/4/SHM/94/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 5430.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. Lot—1549. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1361. Luas—Tiada.

Bertarikh 6 Oktober 2015
[PTDM/4/SHM/95/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 5431.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Masalah binti Samsudin (K.P. 410602-01-5050) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 232-1, Jalan Mutiara, Peringkat 1, Kampung Cahaya Baru, 81760 Masai, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Plentong. No. Lot—4117 dan 4631. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 487 dan P.M. 486. Luas—1080.5199 meter persegi dan 2.915 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/14/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5432.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Razinah binti Abdullah (K.P. 481021-01-5720) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 401, Jalan Perak Dua, Taman Bersatu, 81000 Kulajaya, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Plentong. No. P.T.D.—115571. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2643. Luas—0.0934 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/15/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5433.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Jefery bin Abdul Ghani Waris kepada si mati Abdul Ghani bin Omar (K.P. 211018-01-5009) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 239, Kampong Pok Bukit Bahagia, 81560 Gelang Patah, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—2398. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1687. Luas—2.564 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/16/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5434.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Rape'nah binti Ali (K.P. 570312-01-7034) dan lain-lain Waris kepada Ali bin Ahmad (K.P. 311023-01-5079) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 216-B, PKT 1, Jalan Ros, Felda Cahaya Baru, 81700 Pasir Gudang, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Plentong. No. Lot—4632. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 480. Luas—2.906 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/17/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5435.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Md. Salleh bin Faat (K.P. 571122-01-5155) Wakil kepada si mati Fa'at bin Cherira (K.P. 210522-01-5011) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 11, Jalan Serangkai 19, Taman Bukit Dahlia, 81700 Pasir Gudang, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Plentong. No. M.L.O.—4225.
Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4229. Luas—0.4047 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/21/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5436.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Krishnan a/l Munusamy (K.P. 560627-01-6299) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 1, Jalan Keruing 11, Taman Bukit Rinting, 81750 Masai, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Tiram. No. Lot—1731.
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1004. Luas—0.8852 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/22/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5437.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Mohd. Noh bin Tohar (K.P. 760502-01-7323) adalah tuan tanah yang beralamat di No. F 11-12, Flat Sri Seroja, Taman Kempas Permai, 81200 Johor Bahru telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Tiram. No. Lot—6152.
Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 584. Luas—0.7102 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/25/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5438.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Mohamad bin Sahak (K.P. 650125-01-6335) adalah tuan tanah yang beralamat di No. Lot B131, Jalan MP 32, Kampung Matang Pagar, 47000 Sungai Buloh, Selangor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Jelutong. No. Lot—48. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 189. Luas—0.4047 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/25/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5439.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Abdul Majid bin Abdul Hamid (K.P. 500307-01-5583) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 4, Jalan LEP 4/22, Taman Lestari, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—859.
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1617. Luas—0.7993 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/26/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5440.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Nazreen Jauhari bin Hamdan (K.P. 750101-21-5055) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 18, Jalan Benang 3, Taman Sentosa, 80250 Johor Bahru telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tebrau. No. Lot—11457. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 124. Luas—565 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/27/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5441.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Abdul Jalil bin Abdul Hamid (K.P. 690710-01-5217) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 33, Kampung Tiram Duku, 81560 Gelang Patah, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tanjung Kupang. No. L.O.—541.
Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 396. Luas—1.9096 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/4/31/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5442.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Maimunah Devigi binti Abdullah (K.P. 531214-10-5012) adalah tuan tanah yang beralamat di No. 21, Jalan Delima 5/27, Taman Delima 2, 81100 Johor Bahru, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—2563.
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1514. Luas—263 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/6/15/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5443.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Mohd. Sarif bin Awang (NRIC No. S1430151H) adalah Pentadbir bagi Harta Pesaka bagi si mati Awang bin Said @ Awang Mohd. Said adalah tuan tanah yang beralamat di No. Lot 1011, Kampong Pok Kecil, 81550 Gelang Patah, Johor telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—1010 dan 1011. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 931 dan G.M. 1043. Luas—2.5875 hektar dan 1.7882 hektar.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/6/19/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5444.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Airin Sham binti Ismail (K.P. 721228-07-5480) Wakil Kuasa bagi Malayan Banking Berhad (3813-K) yang beralamat di Pusat Pentadbiran Kredit Johor/Melaka, Aras Maybank, Menara J.A. Venture, No. 1, Jalan Kempas 3/1, Kempas Baru, 81200 Johor Bahru sebagai Pemegang Gadaian kepada Siow Kok Tai (K.P. 490914-01-5327) dan Ng Swee Cheng (K.P. 630801-01-5146) adalah tuan tanah yang beralamat di HT 30, 81500 Pekan Nanas telah melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah telah diakui hilang dalam simpanan pihak Bank.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Bandar/Pekan/Mukim—Pulai. No. P.T.D.—4623. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 807A. Luas—173.723 meter persegi.

Bertarikh 5 Oktober 2015
[PTJB/PEL/6/20/2015]

*Pentadbir Tanah
Johor Bahru*

No. 5445.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)
PEMBATALAN

Dengan ini diberitahu bahawa Pemberitahuan *Warta* Bil. 4470 yang disiarkan pada 27 Ogos 2015 adalah dibatalkan atas:

“Geran 179837 Lot 67206 Mukim Tebrau”

KENYATAAN

Hakmilik tersebut telah dijumpai.

Bertarikh 8 Oktober 2015
[PTG(D) 5/2015-372]

MOHD MACKEEN BIN MOHD SHAFIEE
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Johor

No. 5446.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Gengammah a/p Narayamasamy dan Mogana Sundaram a/l Govindasamy yang beralamat di No. 14, Jalan Bawal 6, Taman Kahang Baru, 86700 Kahang, Johor dan Batu 25, Jalan Mersing, 86700 Kahang, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 2 Disember 2015 jam 2.30 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kahang. No. Lot—4370. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1158 (Rumah Teres Satu Tingkat Lot Tepi). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3655/2003 bertarikh 20 November 2003.

Bertarikh 8 Oktober 2015
[Bil. (4)dmlm.PTDK(PJ) 64/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5447.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mimi Sharmila binti Abd. Hamid dan Shairul bin Abd. Talib yang beralamat di No. 13, Jalan Kiaramas 12, Taman Kiaramas, 86000 Kluang, Johor dan No. 593, Lorong 8, Kampung Bentong Dalam, 86000 Kluang, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 2 Disember 2015 jam 2.45 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. P.T.D.—68160. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 14914 (Rumah Kos Sederhana Rendah Dua Tingkat). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3517/2008 bertarikh 5 September 2008.

Bertarikh 8 Oktober 2015
[Bil. (3)dlm.PTDC(PJ) 65/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 5448.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mazlina binti Hassiam dan Zaidi bin Juma'at yang beralamat di No. 30, Jalan Berlian 27, Taman Rengam Jaya, 86200 Simpang Rengam, Johor dan No. 36, Jalan Naga, 86300 Rengam, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 2 Disember 2015 jam 3.15 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—8715. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3935 (Rumah Kos Sederhana Rendah Dua Tingkat). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1620/2010 bertarikh 15 April 2010.

Bertarikh 11 Oktober 2015
[Bil. (9)dlm.PTDC(PJ) 68/2014]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5449.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd. Zamri bin Jaafar yang beralamat di No. 25, Jalan Puyuh 1, Taman Aman, 86000 Kluang, Johor dan No. 1429, Felda Kahang Barat, 86000 Kluang, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 2 Disember 2015 jam 3.00 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Bandar Kluang. No. Lot—4787. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4139 (Rumah Kos Rendah Dua Tingkat). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2177/1992, Jilid 60, Folio 196 bertarikh 5 Oktober 1992.

Bertarikh 11 Oktober 2015
[Bil. (14)dlm.PTDC(PJ) 03/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5450.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ismail bin Ahmad dan Siti Mariam binti Chik yang beralamat di No. 19, Jalan Berlian 24, Taman Rengam Jaya, 86200 Simpang Rengam, Johor; No. 45, Jalan Permata 9, Taman Sri Jaya, 86300 Rengam, Johor; Guocera Tiles Industries, No. 201, Jalan Mengkibol, 86000 Kluang, Johor dan Restoran Al-Azhar Corner, No. 18, Jalan Harmoni, Taman Harmoni, 86200 Simpang Rengam, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 2 Disember 2015 jam 3.45 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—6040. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3068 (Rumah Kos Sederhana Rendah Dua Tingkat). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5049/2004 bertarikh 17 Disember 2004.

Bertarikh 11 Oktober 2015
[Bil. (3)dlm.PTDC(PJ) 66/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 5451.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Shaeyfulnaeyzam bin Onn yang beralamat di No. 1, Jalan Jaya 1/2, Taman Jaya 1, 86200 Simpang Rengam, Johor dan No. 31, Jalan Sikundangan, 86200 Simpang Rengam, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 2 Disember 2015 jam 3.30 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—7505. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3385 (Rumah Teres Dua Tingkat Lot Tepi). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1351/2002 bertarikh 31 Mei 2002.

Bertarikh 11 Oktober 2015
[Bil. (6)dlm.PTDK(PJ) 67/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5452.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Jurinah binti Jamil yang beralamat di No. 18, Jalan Bayu 12, Taman Sri Bayu, 86200 Simpang Rengam, Johor; Kampung Seri Merlong, Mukim 12, 83100 Rengit, Johor dan No. 271, Kampung Seri Merlong, Rengit, 83100 Batu Pahat, Johor, dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 16 Disember 2015 jam 2.30 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. P.T.D.—17741. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 7201 (Rumah Kos Sederhana Rendah Dua Tingkat). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 403/2007 bertarikh 9 Februari 2007.

Bertarikh 13 Oktober 2015
[Bil. (3)dlm.PTDK(PJ) 68/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5453.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Ledang, dalam Negeri Johor.

DI ANTARA

Public Bank Berhad

Pemegang Gadaian

DAN

Yeo Shan Hong

Penggadai

Yang beralamat di No. 126, Jalan Sri Nilam 4, Taman Sri Nilam, 84900 Tangkak, Ledang, Johor dan/atau No. 10, Mandarin Park, Batu 2 1/2, Jalan Penampang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan, di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 7 Disember 2015 jam 10.30 pagi di Pejabat Daerah/Tanah Ledang. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan ini boleh menyebabkan siasatan dijalankan secara ex-parte dan perintah jualan tanah secara lelongan awam boleh dikeluarkan di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Ledang. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. P.T.D.—23266. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5057 [Dahulu: H.S.(M) 7725]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1744/2008 bertarikh 26 Jun 2008.

Bertarikh 25 Ogos 2015

[PTLDG/10/04/LEL/20/2015]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT

b.p. Pentadbir Tanah

Ledang

No. 5454.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Ledang, dalam Negeri Johor.

DI ANTARA

Tenaga Nasional Berhad

Pemegang Gadaian

DAN

Mohd. Noh bin Ali dan
Sapiah @ Fatimah binti Md. Taib

Penggadai-Penggadai

Yang beralamat di No. 128, Batu 1, Jalan Temenggong Ahmad, 84000 Muar, Johor dan/atau No. 46, Jalan Saujana 2, Taman Saujana Kesang, 84000 Ledang, Johor.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan, di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 29 November 2015 jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah/Tanah Ledang. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan ini boleh menyebabkan siasatan dijalankan secara *ex-parte* dan perintah jualan tanah secara lelongan awam boleh dikeluarkan di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Ledang, Mukim—Kesang, No. P.T.D.—3917, Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1474 [Dahulu: H.S.(M) 247]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3045F/1987 bertarikh 22 September 1982.

Bertarikh 8 September 2015
[PTLDG/10/04/LEL/16/2015]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT
b.p. Pentadbir Tanah
Ledang

No. 5455.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Ledang, dalam Negeri Johor.

DI ANTARA

RHB Bank Berhad

Pemegang Gadaian

DAN

Johar bin Hassan

Penggadai

Yang beralamat di No. 12, Jalan Sulam, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru, Johor dan/atau No. 50A, Jalan Bunga Raya Besar, Majidee Baru, 81100 Johor Bahru, Johor.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan, di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 29 November 2015 jam 10.30 pagi di Pejabat Daerah/Tanah Ledang. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan ini boleh menyebabkan siasatan dijalankan secara ex-parte dan perintah jualan tanah secara lelongan awam boleh dikeluarkan di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Ledang. Mukim—Tangkak. No. P.T.D.—23351. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4586 [Dahulu: H.S.(M) 7614]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 807/2002 bertarikh 14 November 2002.

Bertarikh 8 September 2015
[PTLDG/10/04/LEL/18/2015]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT
b.p. Pentadbir Tanah
Ledang

No. 5456.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazaruddin bin Selamat, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 17 November 2015 di Pejabat Tanah Ledang, Jalan Dataran 1, 84900 Tangkak, Ledang, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM65,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu CIMB Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM34,758.09 setakat 25 Ogos 2015.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,500.00 (Ringgit Malaysia Enam Ribu Lima Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 11 Mac 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh di perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Ledang. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. P.T.D.—23330. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4445 [Dahulu: H.S.(M) 7593]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 637/2002.

Bertarikh 25 Ogos 2015
[PTLDG/10/04/LEL/19/2015]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT
b.p. Pentadbir Tanah
Ledang

No. 5457.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazaruddin bin Selamat, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Oktober 2015 di Pejabat Tanah Ledang, Jalan Dataran 1, 84900 Tangkak, Ledang, Johor jam 11.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Public Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM154,515.18 setakat 6 Januari 2015.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM8,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 25 Februari 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh di perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Ledang. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. P.T.D.—23240. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4926 [Dahulu: H.S.(M) 7697]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1992/2008.

Bertarikh 26 September 2015
[PTLDG/10/04/LEL/0017/2014]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT
*b.p. Pentadbir Tanah
Ledang*

No. 5458.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazaruddin bin Selamat, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Oktober 2015 di Pejabat Tanah Ledang, Jalan Dataran 1, 84900 Tangkak, Ledang, Johor jam 11.30 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM75,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Public Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM154,515.18 setakat 6 Januari 2015.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM7,500.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Lima Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 25 Februari 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh di perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Ledang. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. P.T.D.—23241. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4931 [Dahulu: H.S.(M) 7698]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1990/2008.

Bertarikh 26 September 2015
[PTLDG/10/04/LEL/0017(A)/2014]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT
*b.p. Pentadbir Tanah
Ledang*

No. 5459.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Karim bin Bakar, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 17 November 2015 di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 10.30 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM260,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM124,819.11 sehingga 14 September 2015 nama pemegang gadaian Citibank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab RM26,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Enam Ribu Sahaja) dalam bentuk Bank Draft Tempatan atau Cashier's Order di atas nama Citibank Berhad sekurang-kurangnya setengah (1/2) jam, sebelum lelongan awam bermula pada hari lelong awam;
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 15 Mac 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Tebrau. No. Lot—2564. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2711. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 308/2007 bertarikh 8 Mei 2007.

Bertarikh 22 September 2015
[PTDJB(L) 15/2015]

ABDUL KARIM BIN BAKAR
Pentadbir Tanah
Johor Bahru

No. 5460.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nurul Aishah binti Mohamadon, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 1 Disember 2015 di Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya yang beralamat di Bangunan Pejabat Kerajaan, Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulaijaya, Johor jam 11.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM32,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Dua Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Bank Islam Malaysia Berhad pada tarikh ini ialah RM26,307.05.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM3,200.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Dua Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 31 Mac 2015 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kulaijaya. Bandar/Pekan/Mukim—Senai. No. P.T.—36578. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2343. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1614/1996.

Bertarikh 22 September 2015
[K(PEN) 4/2008]

NURUL AISHAH BINTI MOHAMADON
b.p. Pentadbir Tanah
Kulaijaya

No. 5461.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Hairulnisha binti Rabon, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 27 Oktober 2015 di Pejabat Tanah, Segamat jam 11.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM150,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu RHB Bank Berhad pada tarikh ini adalah RM480,717.81.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM15,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada (120 hari) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 20 Februari 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Segamat. No. Lot—12334 (143 meter persegi). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1219. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1514/2009 bertarikh 23 November 2009.

Bertarikh 29 September 2015
[PTDS HM/L/2/2015]

HAIRULNISHA BINTI RABON
*b.p. Pentadbir Tanah
Segamat*

No. 5462.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Fairul bin Surian, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 16 Disember 2015 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM330,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Malaysia Building Society Berhad pada tarikh 30 September 2015 ini ialah RM278,953.00.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM33,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tiga Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 13 April 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Jalan Bakri. No. Lot—11250. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4252. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 7/2009 bertarikh 1 Januari 2009.

Bertarikh 30 September 2015
[PTDM(LEL) 41/2015]

MOHD. FAIRUL BIN SURIAN
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 5463.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nur Faiz bin Jamil, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 7 April 2016 jam 9.30 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM320,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Dua Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Public Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM266,375.17 setakat 30 September 2015.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM32,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Dua Ribu Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 5 Ogos 2016 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—8195. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3434. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2175/2007 bertarikh 26 Julai 2007.

Bertarikh 30 September 2015
[PTDK(PJ) 42/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 5464.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nur Faiz bin Jamil, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 3 Mac 2016 jam 9.30 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM1,745,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Tujuh Ratus Empat Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu United Overseas Bank (Malaysia) Berhad pada tarikh ini ialah RM10,348,776.36 setakat 7 Oktober 2015.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM174,500.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Puluh Empat Ribu Lima Ratus Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 7 Julai 2016 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Layang-Layang. No. P.T.D.—9982, 9986 dan 9988. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2951, H.S.(M) 2955 dan H.S.(M) 2957. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2969/2011 bertarikh 4 Oktober 2011 dan Perserahan No. 2970/2011 bertarikh 4 Oktober 2011.

Bertarikh 7 Oktober 2015
[PTDK(PJ) 48/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5465.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nur Faiz bin Jamil, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 4 Februari 2016 jam 9.30 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu RHB Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM50,074.65 setakat 7 Oktober 2015.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 3 Jun 2016 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. P.T.D.—14429. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 6465. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1432/2004 bertarikh 22 April 2004.

Bertarikh 7 Oktober 2015
[PTDK(PJ) 49/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 5466.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nur Faiz bin Jamil, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 14 Januari 2016 jam 9.30 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM190,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sembilan Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada tarikh ini ialah RM103,612.43 setakat 7 Oktober 2015.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM19,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Belas Ribu Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukol dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukol dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 13 Mei 2016 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Bandar Kluang. No. Lot—6773. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3400. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1644/2002 bertarikh 2 Julai 2002.

Bertarikh 7 Oktober 2015
[PTDK(PJ) 53/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 5467.

[Subseksyen 262(3)]

PENANGGUHAN TARIKH SIASATAN

Kepada Muzafar bin Mohd. Yusof dan Salwah binti Ismail yang beralamat di No. 23, Jalan Pelangi 8, Taman Pelangi, 86000 Kluang, Johor dan No. 36, Jalan Dato Musa, Kampung Melayu, 86000 Kluang, Johor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa Siasatan Perintah Jual bagi tanah yang telah ditetapkan pada hari Rabu 7 Oktober 2015 jam 3.15 petang bertempat di Pejabat Tanah Daerah Kluang ditangguhkan pada hari Rabu 13 Januari 2016 jam 2.30 petang bertempat di Pejabat Tanah Daerah Kluang.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. Lot—45726. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3693 (Rumah Teres Satu Tingkat). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3586/2005 bertarikh 25 Ogos 2005.

Bertarikh 11 Oktober 2015
[Bil.(8)d/m.PTDC(PJ) 51/2015]

NUR FAIZ BIN JAMIL
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 5468.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Azman bin Ismail beralamat di No. 1, Jalan Keembong 34, Taman Johor Jaya, 81100 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 7846/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Rohaidah binti Ahmad telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—164541. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 324947. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajak/Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 26731/200.

Bertarikh 21 Jun 2015
[(134)d/m.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 5469.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Rohana binti Yaacob beralamat di Lot 478, Jalan Saujana 1/1, Taman Saujana, 81750 Plentong, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 14902/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Yahya bin Yaacob telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. Lot—29531. Jenis dan No. Hakmilik—G.R.N. 316151. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 25 Jun 2015
[(479) dlm.PTG(D) 16/2/2012 Jld.4]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 5470.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Rajeswary a/p Kuppusamy yang beralamat di No. 22, Jalan Sinarsuria 9, Taman Suria, 85300 Labis, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 4/2010 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Rajamurugan a/l Arumugam pemohon potong kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Segamat. Mukim—Labis. No. P.T.D.—9746. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5425. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Berdaftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 575/2002.

Bertarikh 1 Julai 2015
[PPTDL(B) 163/2015]

*Pentadbir Tanah
Segamat Di Kecil Labis*

No. 5471.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Siti binti Ibrahim beralamat di Sungai Gersek Laut, Sungai Balang, 83610 Muar, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Pserahan No. 2763/2013 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Abdul Zahid bin Saleh pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Lubok. No. Lot—514. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1880. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Berdaftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 21 September 2015

[Bil. (33)d/m.PT 01/00/04/0106/0001/2011 Jld. IV]

*Pentadbir Tanah
Batu Pahat***No. 5472.**

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Borhan bin Bushra beralamat di No. D73A, Kampung Parit Sentang Batu, 83500 Parit Sulong, Batu Pahat, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Pserahan No. 103/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Zulkeeflee bin Ibrahim pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Simpang Kiri. No. M.L.O.—1703. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5578. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Berdaftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 27 September 2015

[Bil. (35)d/m.PT 01/00/04/0106/0001/2011 Jld. IV]

*Pentadbir Tanah
Batu Pahat*

No. 5473.

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Batu Pahat (Majlis) bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

PENDAPAT

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Batu Pahat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

DATO' ABD. WAHAB BIN AHMAD
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

Tarikh: 21 Jun 2015

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Maslin Ruhaila Muhammad Rashid (K.P. 760108-01-5186), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Batu Pahat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dari atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Batu Pahat, Johor)
pada 31 Mac 2015)

Di hadapan saya,

SITI AISHAH BTE HAJI MOHD. EKHSAN
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

Tarikh: 31 Mac 2015

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLIMAJLIS (AKAUN INDUK)

Kami, Haji Mahadon bin Marnin dan Zaidi bin Japar yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahlimajlis Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Batu Pahat pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

HAJI MAHADON BIN MARNIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat

ZAIDI BIN JAPAR
Ketua WHIP
Majlis Perbandaran Batu Pahat

Tarikh: 30 Mac 2015

KUNCI KIRA-KIRA BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014			
	Nota	2014 RM	2013 RM
ASET			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	2	41,626,240	39,333,637
Kerja Dalam Perlaksanaan	3	768,004	4,336,550
		<u>42,394,244</u>	<u>43,670,187</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	4	16,570,211	17,325,595
Penghutang Pelbagai	5	591,241	652,581
Deposit Tetap	6	34,329,671	29,728,899
Tunai Dan Baki Bank	7	5,902,861	5,418,218
		<u>57,393,984</u>	<u>53,125,293</u>
LIABILITI SEMASA			
Wang Amanah	8	22,550,722	16,645,613
Pemiutang	9	7,370,110	7,329,625
Pemiutang Pelbagai	10	698,637	1,080,469
Pinjaman Jangka Pendek	11	95,278	95,790
		<u>30,714,747</u>	<u>25,151,497</u>
ASET SEMASA BERSIH			
		<u>26,679,237</u>	<u>27,973,796</u>
		<u>69,073,481</u>	<u>71,643,983</u>
Dibiayai Oleh:			
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman Jangka Panjang	12	<u>248,182</u>	<u>343,459</u>
KUMPULAN-KUMPULAN WANG			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis	13	48,532,017	53,950,197
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	14	8,367,562	6,138,475
Kumpulan Wang Pembangunan	15	1,646,823	286,914
Kumpulan Wang Pelbagai	16	59,600	82,518
Pemberian Tertunda	17	10,219,297	10,842,420
		<u>68,825,299</u>	<u>71,300,524</u>
		<u>69,073,481</u>	<u>71,643,983</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 5053 hingga 5066 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

HAJI MAHADON BIN MARNIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat

MOHD. FARID BIN HASSAN
Setiausaha
Majlis Perbandaran Batu Pahat

Tarikh: 30 Mac 2015

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
Cukai	18	27,522,905	26,489,955
Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	19	4,834,303	4,291,154
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	20	3,031,482	2,113,267
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	21	1,114,985	1,021,105
Sewaan	22	1,874,601	2,373,617
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	23	1,107,933	1,077,923
Denda Dan Hukuman	24	894,483	769,693
Pulangbalik Perbelanjaan	25	1,635,503	1,550,655
Terimaan Dari Agensi-Agensi Kerajaan Dan Pelbagai Terimaan Lain	26	7,629,277	7,628,354
		<u>49,645,472</u>	<u>47,315,723</u>
PERBELANJAAN			
Gaji Dan Upahan	27	8,909,451	8,298,374
Elaun Tetap	28	2,570,304	2,530,049
Elaun Untuk Ahli Majlis	29	228,775	183,925
Sumbangan Berkanun Kakitangan Awam	30	1,562,585	1,446,632
Elaun Lebih Masa	31	1,673,564	1,594,802
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	32	747,084	644,534
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	33	277,771	210,160
Pengangkutan Barang-Barang	34	6,226	1,174
Perhubungan	35	513,265	186,487
Utiliti	36	4,646,576	3,839,140
Sewaan	37	642,320	451,727
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	38	961,552	940,669
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	39	766,722	656,816
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Dibeli	40	15,122,752	15,060,924
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	41	4,657,493	1,726,100
Kenderaan Dan Jentera	42	–	1,400
Alat Kelengkapan	43	128,620	500,106
Anak Pokok Dan Benih	44	229,484	224,771
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	45	96,347	118,463
Pulangbalik	46	3,115	26,243
Hapuskira	47	5	1,137,747
Cukai Dan Pelbagai	48	1,118,974	2,484,381
Susutnilai Harta Tetap	49	2,340,889	2,302,631
Perbelanjaan Hutang Ragu	50	560,660	283,015
Pembangunan	51	7,299,118	7,184,171
		<u>55,063,652</u>	<u>52,034,441</u>

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

	Nota	2014 RM	2013 RM
(Kurangan) Pendapatan		<u>(5,418,180)</u>	<u>(4,718,718)</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 5053 hingga 5066 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

HAJI MAHADON BIN MARNIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat

MOHD. FARID BIN HASSAN
Setiausaha
Majlis Perbandaran Batu Pahat

Tarikh: 30 Mac 2015

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
(Kurangan) Pendapatan		(5,418,180)	(4,718,718)
Pelarasan Bagi:			
Susutnilai Harta Tetap		2,340,889	2,302,631
Hapuskira Aset		5	68
Hapuskira Penghutang		—	1,137,679
Perbelanjaan Hutang Ragu		560,660	283,015
Perbelanjaan Faedah		9,724	11,989
Pendapatan Pelaburan		(1,107,933)	(1,077,923)
Pindahan Pendapatan Dari Pemberian Tertunda		(634,083)	(788,915)
(Kurangan) Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		<u>(4,248,918)</u>	<u>(2,850,174)</u>
(Tambahan)/Kurangan Dalam Aset:			
Penghutang		194,724	(1,994,930)
Penghutang Pelbagai		61,340	(72,684)
Tambahan/(Kurangan) Dalam Liabiliti:			
Pemiutang		40,485	2,534,987
Pemiutang Pelbagai		(381,832)	(907,217)
Wang Amanah		5,905,109	4,608,439
		<u>5,819,826</u>	<u>4,168,595</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

	Nota	2014 RM	2013 RM
Tunai Hasil Daripada Operasi Faedah Dibayar		1,570,908 (9,724)	1,318,421 (11,989)
		<u>1,561,184</u>	<u>1,306,432</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN:			
Pembelian Aset Pelaburan		(4,633,497) —	(999,660) 1,800,000
Kerja Dalam Perlaksanaan Faedah Diterima		3,568,546 1,107,933	(2,118,169) 1,077,923
		<u>42,982</u>	<u>(239,906)</u>
Tunai Bersih (Digunakan Dalam) Aktiviti-Aktiviti Pelaburan			
ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI PEMBIAYAAN:			
Kumpulan Wang Berkumpul Perkhidmatan Kemajuan		2,229,087	1,624,240
Kumpulan Wang Pembangunan		1,359,909	281,310
Kumpulan Wang Pelbagai		(22,918)	6,000
Pemberian Tertunda		10,960	1,380,000
Pinjaman Jangka Pendek		(512)	28,644
Pinjaman		(95,277)	(95,790)
		<u>3,481,249</u>	<u>3,224,404</u>
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan			
Pertambahan Tunai Bersih:			
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Awal Tahun		5,085,415	4,290,930
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Akhir Tahun	52	35,147,117	30,856,187
		<u>40,232,532</u>	<u>35,147,117</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 5053 hingga 5066 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA PERUBAHAN DANA BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

	Kumpulan Wang Terumpul Majlis RM	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Pelbagai RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2013	58,668,915	4,514,235	5,604	76,518	63,265,272
Lebihan/(Kurangan)	(4,718,718)	1,624,240	281,310	6,000	(2,807,168)
Pada 31 Disember 2013	53,950,197	6,138,475	286,914	82,518	60,458,104
Pada 1 Januari 2014	53,950,197	6,138,475	286,914	82,518	60,458,104
Lebihan/(Kurangan)	(5,418,180)	2,229,087	1,359,909	(22,918)	(1,852,102)
Pada 31 Disember 2014	48,532,017	8,367,562	1,646,823	59,600	58,606,002

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 5053 hingga 5066 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Penyata Kewangan ini disediakan dengan mengambilkira dasar-dasar perakaunan di dalam peruntukan Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

1.1. ASAS PERAKAUNAN

- (i) Konvensyen Kos Sejarah
- (ii) Konsep Akruan

1.2. ASET TETAP DAN SUSUTNILAI

Aset Tetap dinyatakan pada kos dan susutnilai terkumpul. Susutnilai adalah berdasarkan Kaedah Garis Lurus bagi jangka hayat kegunaan harta tersebut kecuali tanah pajakan. Bagi tanah hakmilik pajakan, susutnilai adalah dikira berdasarkan Tempoh Pajakan bagi jangka hayat pajakan tanah tersebut. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) Tanah
 - Tanah Milik Bebas – 0%
 - Tanah Milik Pajakan – (Kos Asal Tempoh Pajakan)
- (ii) Bangunan
 - Kekal (Jangka hayat 30 tahun) – 2-5%
 - Separuh Kekal (Jangka hayat 15 tahun) – 6-10%
- (iii) Kenderaan (Jangka hayat 5 tahun) – 20%
- (iv) Loji dan Jentera (Jangka hayat 5 tahun) – 20%
- (v) Kelengkapan Pejabat dan Perabot (Jangka hayat 5 tahun) – 20%
- (vi) Peralatan Elektronik (Jangka hayat 5 tahun) – 20%

1.3. ASAS PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan-pendapatan seperti Cukai Harta, Notis dan Waran, Sewa Gerai, Sewa Pasar, Sewa Tempat dan Faedah Deposit Tetap diambilkira mengikut konsep akruan manakala pendapatan-pendapatan lain diambilkira mengikut asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

Pembelian harta modal yang tidak melebihi RM1,000 bagi setiap unit serta perabot, permaidani, langsir dan seumpamanya, tanpa mengira kos adalah diambilkira sebagai perbelanjaan sebagaimana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

1.4. PEMBERIAN KERAJAAN

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan belanja mengurus atau menyelenggara diambilkira sebagai hasil majlis.

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan memperolehi aset Majlis diambilkira sebagai pemberian tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat ast tersebut.

Manakala pemberian khas daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi melaksanakan sesuatu projek khas akan dikreditkan terus ke Kumpulan Wang Khas tersebut

1.5. PENGHUTANG DAN PENGHUTANG PELBAGAI

Penghutang dan Penghutang Pelbagai adalah diambilkira pada jangkaan realisasi. Sesuatu anggaran akan dibuat bagi Peruntukan Hutang Ragu berdasarkan kepada pengusiaan ke atas semua amaun tertunggak melebihi 3 atau 6 tahun pada tarikh kunci kira-kira.

Dasar-Dasar Perakaunan ini adalah sebagaimana dipersetujui Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di dalam mesyuaratnya pada 22 November 2006 yang telah menimbang Ringkasan Mesyuarat Bil. 1847/2006 berkaitan penyeragaman format Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor berkuatkuasa mulai Tahun Berakhir 31 Disember 2006. Beberapa dasar telah dipinda daripada kelulusan asal ini sebagaimana persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Penyeragaman Penyata Kewangan pada 31 Januari 2008 setelah mengambilkira pekeliling-pekeliling yang berkaitan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2014	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Loji Dan Jentera	Alat Kelengkapan Pejabat	Peralatan Elektronik dan Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Pada 1 Januari	719,798	52,147,049	5,026,550	1,262,087	1,031,244	4,315,482	64,502,210
Tambahan	—	4,285,926	91,950	43,160	63,046	149,415	4,633,497
Pelupusan	—	—	(216,901)	—	—	—	(216,901)
Pada 31 Disember	719,798	56,432,975	4,901,599	1,305,247	1,094,290	4,464,897	68,918,806
Susutnilai Terkumpul Pada 1 Januari	49,408	15,639,174	4,371,870	1,112,381	817,979	3,177,761	25,168,573
Susutnilai Semasa Pelupusan	3,088	1,472,371	243,091	76,673	94,429	451,237	2,340,889
Pada 31 Disember	52,496	17,111,545	4,398,065	1,189,054	912,408	3,628,998	27,292,566
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	667,302	39,321,430	503,534	116,193	181,882	835,899	41,626,240

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(Samb.)								
2013	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Loji Dan Jentera	Alat Kelengkapan Pejabat	Peralatan Elektronik dan Komputer	Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Kos Pada 1 Januari	719,796	51,767,049	4,723,867	1,377,865	904,737	4,196,924	63,690,238	
Tambahan	2	380,000	302,683	70,660	127,757	118,558	999,660	
Pelupusan	—	—	—	(186,438)	(1,250)	—	(187,688)	
Pada 31 Disember	719,798	52,147,049	5,026,550	1,262,087	1,031,244	4,315,482	64,502,210	
Susutnilai Berkumpul Pada 1 Januari	46,320	14,239,680	4,096,601	1,222,548	726,627	2,721,786	23,053,562	
Susutnilai Semasa	3,088	1,399,494	275,269	76,204	92,601	455,975	2,302,631	
Pelupusan	—	—	—	(186,371)	(1,249)	—	(187,620)	
Pada 31 Disember	49,408	15,639,174	4,371,870	1,112,381	817,979	3,177,761	25,168,573	
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	670,390	36,507,875	654,680	149,706	213,265	1,137,721	39,333,637	

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

	2014 RM	2013 RM
3. KERJA DALAM PERLAKSANAAN		
Pasar Borong Batu Pahat	—	4,018,546
Pasar Awam Batu Pahat	268,004	268,004
Menara Jalan Ruyah	500,000	50,000
	<u>768,004</u>	<u>4,336,550</u>
4. PENGHUTANG		
Cukai Harta	17,629,707	17,895,073
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(2,535,966)	(2,308,831)
	<u>15,093,741</u>	<u>15,586,242</u>
Notis Cukai Harta	750,762	701,452
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(138,565)	(128,583)
	<u>612,197</u>	<u>572,869</u>
Sewa Gerai	841,702	789,590
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(352,195)	(136,380)
	<u>489,507</u>	<u>653,210</u>
Sewa Pasar	338,911	297,632
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(149,486)	(41,758)
	<u>189,425</u>	<u>255,874</u>
Tempat Letak Kereta Bermusim	5,100	4,200
Tempat Letak Kereta Metro Parking	180,241	253,200
	<u>16,570,211</u>	<u>17,325,595</u>
5. PENGHUTANG PELBAGAI		
Pinjaman Kenderaan	197,657	207,161
Pinjaman Komputer	34,918	30,139
Faedah Terakru Deposit Tetap	358,666	415,281
	<u>591,241</u>	<u>652,581</u>
6. DEPOSIT TETAP		
Bank	22,265,798	21,042,739
Lain-Lain Institusi Kewangan	12,063,873	8,686,160
	<u>34,329,671</u>	<u>29,728,899</u>
7. TUNAI DAN BAKI BANK		
Mesin Setem	26,644	32,354
Wang Panjar Runcit	1,850	1,850
Akaun Semasa	5,874,367	5,384,014
	<u>5,902,861</u>	<u>5,418,218</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014—(Samb.)

	2014 RM	2013 RM
8. WANG AMANAH		
Wang Amanah Am	<u>22,250,722</u>	<u>16,645,613</u>
9. PEMIUTANG		
Emolumen	4,935	4,075
Perkhidmatan Dan Bekalan	6,251,979	3,270,002
Pemilikan Harta Modal	34,667	283,329
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,200	—
Lain-Lain Perbelanjaan	600,000	2,138,854
Pembangunan	477,329	1,633,365
	<u>7,370,110</u>	<u>7,329,625</u>
10. PEMIUTANG PELBAGAI		
Terimaan Terdahulu	<u>698,637</u>	<u>1,080,469</u>
11. PINJAMAN JANGKA PENDEK		
Pinjaman Pembiayaan Perumahan*		
Dalam Tempoh Satu Tahun	105,514	105,514
